



RUMAH jenis apartmen servis menjadi pilihan pembeli di Selangor dan Kuala Lumpur.

Rumah RM500,000 catat jualan tertinggi

19,784 unit kediaman bernilai RM14.65b terjual sejak Januari 2019

Oleh Sri Ayu
Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang dijalankan sejak Januari lalu berjaya membantu meningkatkan jualan hartanah apabila sebanyak 19,784 unit dengan nilai RM14.65 bilion kediaman terjual setakat 13 September 2019.

Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda), Datuk Soam Heng Choon berkata, jumlah itu melepasi sasaran asal jualan RM3 bilion yang ditetapkan bagi separuh pertama HOC.

Katanya, rumah yang berharga dari RM500,000 hingga RM750,000 mencatatkan penjualan tertinggi iaitu sebanyak 7,704 unit diikuti RM300,000 hingga RM500,000 (4,967 unit).

"Manakala, rumah jenis apartmen servis menjadi pilihan pembeli iaitu sebanyak 7,080 unit terutama di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.

"Kami yakin jumlah jualan hartanah ini akan terus meningkat terutama selepas



“
Kami yakin
jumlah jualan
hartanah ini akan
terus meningkat
Soam Heng Choon

HOC dilanjutkan sehingga 31 Disember 2019," katanya pada taklimat media sempena pengumuman tinjauan industri hartanah separuh pertama 2019 di sini, semalam.

Tinjauan industri hartanah separuh pertama 2019 itu dijalankan ke atas 144 ahli Rehda di seluruh Semenanjung Malaysia dan berdasarkan tinjauan sebanyak 15 peratus pemaju mencatatkan peningkatan

dari segi jualan.

Soam berkata, 52 peratus responden merancang untuk melancarkan 18,373 unit hartanah pada separuh kedua 2019, terdiri daripada 11,560 unit strata, 6,813 unit bertanah dan 153 unit komersial.

Menurutnya, 54 peratus responden menjangkakan prestasi jualan mereka 50 peratus lebih rendah dalam tempoh enam bulan pertama.

Beliau berkata, prestasi jualan hartanah pada separuh pertama 2019 turut menyaksikan peningkatan sebanyak 58 peratus berbanding 43 peratus yang direkodkan pada separuh kedua 2018 dengan sebahagian besar hartanah yang terjual adalah unit kediaman.

"Kebanyakan unit rumah teres dua dan tiga tingkat yang terjual adalah di Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan dan Durian Tunggal, Melaka manakala, apartmen servis pula di sekitar Wangsa Maju dan Petaling Jaya," katanya.

»INFO

Rumah berharga daripada RM500,000 hingga RM750,000 catat jualan 7,704 unit.

Sebanyak 4,967 unit rumah berharga daripada RM300,000 hingga RM500,000 terjual.

15 peratus pemaju mencatatkan peningkatan jualan.

Prestasi jualan hartanah separuh pertama 2019 meningkat 58 peratus.